

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR
BIN HAJI NASARAH [LENGGONG]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kerajaan dalam memulihkan imej dan apakah bentuk pembaharuan yang dirancang melibatkan institusi-institusi seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Negara (SPRM), Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan institusi Parlimen.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang memberi tumpuan kepada tindakan untuk memperkasakan SPRM sebagaimana inisiatif-inisiatif yang terdapat di dalam Pelan Anti Rasuah Nasional 2019-2023. Ini termasuklah dalam perkara-perkara berkaitan dengan pelantikan Ketua Pesuruhjaya, peruntukan kewangan, jawatankuasa pemantau, penubuhan suruhanjaya perkhidmatan dan tenaga kerja.

Selaras dengan penubuhan SPRM juga, lima mekanisme telah diwujudkan sebagai *check and balance* terhadap perjalanan SPRM dalam melaksanakan fungsi dan peranannya. Lima mekanisme tersebut adalah:

- a. Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR);
- b. Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR);
- c. Jawatankuasa Aduan (JKA);
- d. Panel Penilaian Operasi (PPO); dan
- e. Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR).

Kelima-lima badan khas ini diwujudkan bertujuan untuk memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam keseluruhan perjalanan SPRM dan membantu memenuhi harapan masyarakat terhadap kebebasan, kecekapan, keberkesanan, ketelusan dan akauntabiliti Suruhanjaya dalam pelaksanaan kewajipan undang-undang yang telah ditetapkan.

Bagi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pula, Suruhanjaya ini merupakan sebuah institusi yang melaksanakan fungsinya mengikut Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan yang merangkumi perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan kajian persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya, pendaftaran pemilih dan pilihan raya.

Cadangan pembaharuan yang melibatkan institusi SPR akan diteliti oleh sebuah Jawatankuasa Khas Kabinet bagi mengkaji kesesuaian pelaksanaannya. Ini kerana sebarang cadangan penambahbaikan SPR melibatkan pindaan ke atas undang-undang sedia ada termasuklah Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri telah memberikan komitmen penuh dalam melaksanakan transformasi pentadbiran Kerajaan. Komitmen ini dizahirkan dengan pelaksanaan Transformasi Parlimen dan Pentadbiran Kerajaan untuk mengembalikan kestabilan politik dan memulihkan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.